

NOVEL NENEK oleh Razali Endun. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2014. Halaman 232. ISBN: 978-967-430-579-6.

Sinopsis Cerita Nenek

Novel *Neneh* yang digarap oleh Razali Endun dimulakan dengan imbas kembali mengenai kehidupan Mak Som dan arwah suaminya iaitu Haji Kiran yang mengajar mengaji al-Quran kepada beberapa orang penduduk kampung. Dalam novel ini, pengarang menggambarkan pasangan suami isteri tersebut sebagai orang yang baik-baik, ibu bapa yang bertangungjawab dan masyarakat yang prihatin.

Dalam pertengahan novel ini, pengarang mencetuskan konflik antara Mak Som dengan anak lelakinya Mahfus. Mahfus digambarkan sebagai seorang yang ingin kehidupan yang mewah tetapi dengan melalui cara yang mudah. Keinginan Mahfus ini mendorong dia menceburι bidang politik serta terlibat dengan kegiatan yang tidak bermoral iaitu menipu tanah penduduk kampung dengan menjanjikan pampasan dan kemewahan. Semua yang Mahfus lakukan ini atas dorongan dan desakan daripada Tan Sri Dahan iaitu pemimpin parti politik. Mahfus dikurniakan gelaran Dato' serta diberikan segala kemewahan dunia tetapi akhirnya dia diperangkap oleh Tan Sri Dahan.

Klimaks cerita ini mencapai kemuncak apabila kematian Mak Som iaitu ibu kepada Mahfus. Ibunya sangat menentang tindakan Mahfus menggadaikan tanah penduduk kampung. Tetapi Mahfus tidak pernah menghiraukan segala nasihat dan teguran daripada ibunya. Setelah kematian Mak Som, Mahfus mula menyedari kesilapannya tetapi tindakan tersebut memakan dirinya apabila Tan Sri Dahan mendakwa Mahfus mengambil suapan dan juga menjatuhkan karier politik Mahfus dengan mendapatkan petisyen undi tidak percaya daripada ahli-ahli parti politik yang dianggotai oleh Mahfus.

Kisah diakhiri dengan penderitaan penduduk kampung akibat pengambilan tanah mereka untuk dijadikan kawasan perindustrian. Kawasan tersebut bertukar wajah tetapi penduduk kampung tidak dapat menikmati kemudahan yang disediakan di kampung tersebut. Ramai penduduk kampung yang asalnya bertani sawah hilang punca pendapatan. Hal ini kerana pengilang tidak mengambil buruh tempatan setelah kawasan tersebut dibangunkan sebagai kawasan industri. Pimpinan politik Melayu yang lemah juga menyebabkan orang Melayu hilang kuasa. Akhirnya, kawasan yang dulunya dipegang oleh orang Melayu kini menjadi milik orang Cina. Kawasan tersebut terus membangun tetapi orang Melayu terus terhimpit.

Fokus Ulasan

Ulasan karya ini dilakukan dengan menghubungkan penerapan teori Fakta Sosial seperti yang dijelaskan oleh Emile Durkheim pada tahun 1938. Teori ini amat bersesuaian dalam menjelaskan fakta atau fenomena sosial yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Pemahaman terhadap sesuatu fakta sosial amat penting bagi menyelesaikan sesuatu masalah dengan mencari punca terhadap masalah yang berlaku dalam masyarakat.

Teori Fakta Sosial

Teori ini diasaskan oleh Emile Durkheim pada tahun 1938. Dalam buku *The Rules of Sociological Methods* (1938:13), Durkheim memberi takrif fakta sosial merujuk kepada setiap cara bertindak baik yang tetap mahupun tidak, yang mampu memberikan tekanan luaran kepada individu, atau setiap cara bertingkah-laku yang umum dalam sesuatu masyarakat, yang pada waktu yang sama tidak bergantung pada manifestasi individualnya. Sehubungan itu, dalam mengenalpasti fakta sosial, Durkheim telah menggariskan tiga sifat utama fakta sosial iaitu bersifat objektif, bersifat sosiologi dan tidak bersifat individu. Dalam buku *The Rules of Sociological Methods* (1938:13), Durkheim mengatakan fakta sosial sebagai; “A social facts is very way of acting, fixed or not, capable of exercising on the individual an external constraint, or again, every way of acting which is general through a given society, while at the same time existing in its own right independent of its individual manifestations”.

Prinsip pertama dalam teori fakta sosial yang dikemukakan oleh Durkheim ialah tidak bersifat individu. Fakta sosial bersifat umum atau tersebar secara meluas dalam sesebuah masyarakat. Mengikut pengertian yang mudah, fakta sosial merupakan masalah yang dialami oleh masyarakat bukan individu.

Prinsip kedua bersifat objektif pula merujuk kepada sesuatu fenomena yang berlaku dalam masyarakat berdasarkan kenyataan atau fakta sebenar. Durkheim (1938:143) mengatakan bahawa fakta sosial kadang-kadang bersifat memaksa, tetapi sekiranya anggota masyarakat dapat menerima serta mengikuti peraturan yang ditetapkan mereka akan melaksanakan aturan tersebut tanpa sebarang tekanan. Jika dilihat dari prinsip Durkheim ini, kita mungkin dapat mengatakan bahawa norma sosial sebagai sesuatu di luar individu, membatasi, dan mengawal tingkah laku mereka. Sekiranya individu tidak mengalami tekanan atau berasa dipaksa, dia sebenarnya menghayati atau sebat dengan norma masyarakatnya dan menerima norma itu sebagai piawai bagi tingkah lakunya sendiri (Rahimah Abdul Aziz, 1993:36).

Prinsip ketiga bersifat sosiologi. Fakta sosial harus dijelaskan berdasarkan fakta-fakta sosial yang mendahuluinya sehingga dapat mengetahui mengapa wujudnya fakta sosial tersebut. Setelah menemui sebab terjadinya fakta sosial tersebut, seterusnya mencari akibat fakta sosial tersebut masih ada. Suatu fakta sosial hanya dapat dijelaskan oleh fakta sosial lainnya, melalui penjelasan sebab dan akibat. Oleh yang demikian, Durkheim menegaskan bahawa fakta sosial harus dipisahkan daripada bidang psikologi dan biologi. Sosiologi ialah bidang yang mengkaji masyarakat dan kemasyarakatan.

Fakta Sosial dalam Novel Nenek

1. Pemimpin Politik

Fakta sosial utama yang dapat dikesan dalam novel *Nenek* ialah kepimpinan pemimpin parti politik. Menurut Ahmad Atory (1998:01) secara umum politik ialah bidang yang berhubung dengan pemerintahan, atau cara-cara memperoleh kuasa dalam semua organisasi manusia yang formal atau tidak formal seperti dalam sebuah masyarakat kampung, desa, negeri, negara atau antarabangsa. Bidang politik selalunya dikaitkan dengan hal mengurus pentadbiran, pengurusan

semasa, pertembungan parti politik, dan perbincangan konflik pada peringkat keluarga, masyarakat, negara serta dunia (Mohd Syakir Rosdi, 2013:01).

Pengaruh dan kuasa politik dijadikan sebagai landasan menindas penduduk kampung. Oleh kerana sikap tamak mengejar kekayaan, segelintir pemimpin politik sanggup mengorbankan bangsa sendiri. Pelbagai strategi dan tipu muslihat digunakan bagi menindas golongan yang lemah. Sedangkan pada hakikatnya, seorang pemimpin politik diamanahkan untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan kawasan yang dipegang. Hal ini dilihat melalui gambaran watak Tan Sri Dahan. Tan Sri Dahan merupakan pemimpin politik yang tidak menjalankan amanah untuk membela nasib rakyat. Bahkan Tan Sri Dahan menggunakan tipu muslihat bagi mendapatkan tanah penduduk kampung untuk dibangunkan sebagai kawasan industri. Sikap tamak Tan Sri Dahan menyebabkan orang kampung hilang pekerjaan dan kemiskinan kian menghimpit mereka.

Tan Sri Dahan juga merupakan seorang pemimpin yang suka mengamalkan rasuah. Rasuah dijadikan umpan untuk mendapat sesuatu yang diinginkan. Misalnya, Tan Sri Dahan memberi rasuah RM 10, 000 kepada Dato' Mahfus bagi melicinkan pengurusan pengambilan tanah di bukit Kampung Bertam Malim. Selain wang, Tan Sri Dahan juga memberikan sebuah banglo, pangkat dan melantik Dato' Mahfus sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Padu Menang Sdn. Bhd. Pelbagai strategi diatur bagi menjayakan rancangan tersebut termasuklah memperjudikan agama. Bermula dengan pemecatan imam Haji Khamis dan digantikan dengan imam Haji Kusnin. Haji Kusnin menerima jawatan tersebut kerana diugut oleh Dato' Mahfus. Tindakan licik Tan Sri Dahan tidak disedari oleh penduduk kampung. Tawaran pakej umrah yang ditawarkan menjerat penduduk kampung. Hal ini kerana sesiapa yang menerima tawaran mengerjakan umrah secara automatiknya tanah bertukar hak milik. Namun, pihak pemaju tidak memberitahu penduduk kampung implikasi perjanjian tersebut.

Tan Sri Dahan juga digambarkan sebagai pemimpin yang mementingkan diri sendiri. Beliau mengorbankan masa depan bangsanya demi mendapat keuntungan. Pembangunan perumahan dikawasan tersebut menyebabkan pola penduduk bertukar wajah dan dimonopoli oleh bangsa Tionghoa. Kemasukan warga asing yang tidak terkawal menjadi pesaing kepada penduduk kampung sehingga menyebabkan ramai penduduk kampung hilang pekerjaan. Sikap negatif Tan Sri Dahan sebagai pemimpin yang tidak bertanggungjawab dilihat melalui petikan berikut:

“Well, memang itu pun kemungkinannya kalau terjadi begitu, lebih mudah misi kita. Perpecahan pemilik tanah bermakna mereka tiada kesepakatan. Tiada persefahaman bermakna mereka tiada suara yang kuat. Kita mesti melemahkan semaksimum mungkin kekuatan mereka. Apabila mereka bersatu, kita pula celaru nanti”, Tan Sri Dahan meneruskan kuliah politik tidak rasminya untuk Dato' Mahfus. Sesekali Tan Sri Dahan tersenyum sambil menggeleng-geleng kepalaunya sedikit kerana melihat Dato' Mahfus masih naif dalam langkah bisnes dan politiknya.
(Nenek, halaman.119)

Inilah yang ditegaskan oleh Durkheim (1938: 141) suatu fakta sosial hanya dapat dijelaskan apabila sebab dan akibat ditemui dalam memperkatakan mengenai fenomena yang berlaku dalam masyarakat. Oleh yang demikian, melalui gambaran watak Tan Sri Dahan yang mementingkan

kekayaan diri sendiri menjadi punca tercetusnya masalah-masalah yang menimpa penduduk kampung. Akibat daripada perbuatan tamak Tan Sri Dahan serta tipu helah, penduduk kampung kehilangan tanah yang menjadi sumber rezeki mereka.

Pembangunan Ekonomi

Berdasarkan penelitian pengkaji, *Nenek* mengungkapkan fenomena pembangunan ekonomi penduduk kampung setelah kawasan tersebut dibangunkan sebagai kawasan industri. Pembangunan tersebut memberi kesan negatif kepada penduduk kampung. Kawasan hutan gelam yang pada asalnya menjadi habitat flora dan fauna bertukar wajah dan dibangunkan sebagai kawasan perindustrian. Kawasan tersebut menjanjikan peluang pekerjaan kepada orang ramai, tetapi malangnya rakyat tempatan tidak dapat menikmati pembangunan dikampung mereka apabila pihak pengilang membawa masuk warga asing untuk dijadikan sebagai pekerja. Nasib penduduk tempatan begitu malang kerana pihak pengilang lebih memberi keutamaan kepada warga asing. Hal ini kerana pengilang boleh membayar upah yang murah dan menguntungkan pihak mereka. Nasib penduduk kampung Bertam Malim seakan-akan tidak terbela. Kawasan kampung mereka dibangunkan sebagai kawasan perindustrian yang menjanjikan peluang pekerjaan tetapi mereka tidak boleh menikmati peluang tersebut. Mereka seperti merempat di tanah air sendiri. Fenomena tersebut dibuktikan melalui petikan berikut:

Di atas tanah hutan gelam itulah sekarang didirikan berpuluhan-puluhan kilang. Ada pelbagai kilang dibina di situ, daripada berstatus kecil, sederhana hingga ke taraf gudang besar. Perusahaan di situ memang menjana ekonomi dan memberi pekerjaan kepada orang ramai. Sayangnya, yang ramai bekerja di situ bukan orang tempatan tetapi rakyat asing yang dibawa masuk baik secara sah maupun secara haram. Jumlah mereka meningkat setiap bulan kerana banyaknya pengilang yang memerlukan tenaga kerja murah.
(*Nenek*, halaman.228)

Pembangunan juga mengubah landskap kehidupan di Kampung Bertam Malim. Ini dilihat apabila kawasan tersebut dibangunkan sebagai perumahan, pola penduduk masyarakat Tionghoa semakin bertambah. Kaum Melayu pula semakin terpinggir dalam arus pembangunan. Fenomena tersebut dibuktikan melalui petikan berikut:

Pertambahan penduduk memang berlaku dengan ketara dan pola kaum juga berubah. Dulu daripada 80 keluarga Melayu dengan kira-kira 150 orang penduduk, hanya lima adalah keluarga Tionghoa dengan jumlah kira-kira 30 orang. Kini, keadaan benar-benar berubah. Sejak wujud Taman Mega Jaya jumlah dan pola penduduk berbeza jauh. Secara keseluruhan, jumlah masyarakat Tionghoa sudah mengatasi penduduk asal. Ia adalah hasil daripada pembangunan Syarikat Padu Menang Sdn.Bhd. itulah.

(*Nenek*, halaman.57)

Menurut Mohd. Razlan Rafii dalam Utusan keluaran 19 Disember 2014, hal ini jelas menunjukkan pecahan pola mengikut kaum. Kelihatan orang Melayu diasingkan dari sudut kemampuan memiliki rumah. Ada pembangunan perumahan mencapai 90% pendudukan hanya berbangsa Cina sahaja. Fenomena tersebut tidak mustahil mengulangi sejarah yang mana rakyat Malaysia diasingkan mengikut kaum iaitu Cina di bandar, Melayu di kampung dan India di ladang-ladang (Mohd. Razlan Muhamad Rafii, Utusan Online 19 Disember 2014)

Isu pembangunan ekonomi orang Melayu dalam novel *Nenek* dikaitkan dengan kezaliman dan kerakusan sikap pemaju hartanah yang mengaut keuntungan tanpa memikirkan masa depan penduduk kampung. Pelbagai masalah timbul setelah pembangunan dilakukan. Antaranya pengangguran, persaingan dengan buruh asing serta pertambahan pola penduduk kaum Cina Tionghoa. Oleh yang demikian, isu pembangunan ini seperti yang ditegaskan oleh Durkheim (1938:142) bahawa fakta sosial tidak bersifat individualistik. Hal ini bermakna sesuatu kejadian yang berlaku haruslah dialami oleh masyarakat bukannya individu dalam masyarakat. Bukan itu sahaja perkataan “sosial” itu sendiri memberi gambaran yang jelas iaitu “masyarakat dan kemasyarakatan”. Oleh yang demikian, pembangunan di kawasan tersebut memberi impak yang negatif kepada masyarakat. Boleh dikatakan bahawa semua penduduk di kampung tersebut hilang sumber pendapatan. Malah lebih teruk lagi rata-rata penduduk kampung yang merupakan petani tidak boleh mengusahakan tanaman mereka. Kilang-kilang pula hanya mengambil pekerja asing sahaja. Demikianlah nasib yang menimpa penduduk kampung setelah pembangunan diusahakan di kampung mereka. Isu-isu pembangunan yang diketengahkan oleh Razali Endun menerusi novel *Nenek* ini merupakan fenomena sejagat dan amat relevan dalam konteks Malaysia. Hal ini kerana isu-isu yang dipaparkan ini bersifat realiti dan mencapai salah satu ciri kesusasteraan iaitu sebuah rakaman kehidupan masyarakat.

Kemiskinan

Bagi menangani masalah kemiskinan, punca dan sebab haruslah diketahui terlebih dahulu. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji akan memperlihatkan fenomena kemiskinan dalam novel *Nenek* karya Razali Endun. Isu kemiskinan ini dikaitkan dengan pembangunan yang tidak terancang.

Dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014), fenomena kemiskinan berlaku kerana daya pengeluaran padi yang rendah dalam kalangan petani. Hal ini kerana, pembinaan kawasan perumahan di kampung tersebut menyebabkan bekalan air tidak dapat disalurkan ke kawasan sawah. Oleh yang demikian, penduduk kampung tidak dapat mengusahakan tanaman padi. Situasi yang dialami oleh penduduk kampung tersebut bersesuaian dengan pendapat Durkheim (1938:142) yang mengatakan bahawa fakta sosial tidak bersifat individualistik. Hal ini bermakna daya pengeluaran padi yang rendah ini dialami oleh penduduk kampung yang majoriti adalah pengusaha tanaman padi. Oleh yang demikian fakta sosial tidak bersifat individualistik merujuk kepada masalah yang dialami bersama anggota masyarakat bukan individu dalam masyarakat. Fenomena tersebut dilihat melalui petikan berikut;

“Tanah sawah itu sudah tidak dikerjakan lagi oleh orang kampung semenjak taman perumahan dibina di lereng dan di atas bukit di kampung itu. Pembangunan projek perumahan itu menyebabkan bekalan air tidak masuk ke situ. Lama-kelamaan paras sawah menjadi lebih tinggi berbanding tali air menyebabkan bekalan tidak dapat masuk ke situ. Sawah menjadi kontang dan mula terbiar begitu sahaja sedikit demi sedikit tanpa diusahakan. Masalah itu berlaku kira-kira 17 tahun lalu. Ketika itu Haji Kiran masih hidup. Keadaan tidak memberangsangkan itu memudaratkan minat penduduk kampung untuk terus mengusahakan sawah. Haji Kiran dan Mak Som juga begitu. Patah semangat melihat tanah sawah yang kontang itu. (Nenek, halaman. 05)

Justeru, menurut Abd. Malik (1996) dalam Norzalinda Mohd Ali Hanafiah (2006:118) punca kemiskinan penduduk kampung adalah kerana daya dan jumlah pengeluaran padi yang rendah dalam kalangan petani.

Selain itu, tanaman padi yang tidak dapat diusahakan meningkatkan kadar pengangguran di Kampung Bertam Malim. Bagi penduduk kampung, jumlah wang lima ratus ringgit yang diberikan oleh Syarikat Padu Menang Sdn. Bhd. amat bermakna buat mereka. Oleh kerana pertanian padi sawah tidak dapat diusahakan, rata-rata penduduk kampung menganggur. Fenomena tersebut dikesan melalui petikan berikut:

“Beberapa orang bertepuk tangan. Yang paling kuat menepuk ialah Mat Dali dan Samad Betawi. Mereka kelihatan masih terlalu gembira menerima habuan wang sagu hati tadi. Lima ratus ringgit bagi mereka amat bermakna, apalagi setelah tanah sawah itu tidak dapat dikerjakan, lama mereka menganggur. Kalau ada kerja pun, tidak tetap. Pendapatan tidak seberapa. Justeru, wang ihsan itu ibarat tikaman loteri bagi mereka.

(*Nenek*, halaman.127)

Kemiskinan juga menyebabkan penduduk kampung tidak mampu memiliki rumah. Oleh yang demikian, Mak Som mengemukakan cadangan semasa rundingan agar menyediakan rumah yang mampu dimiliki oleh penduduk kampung. Situasi tersebut dilihat melalui petikan di bawah:

“Kami menuntut supaya pemaju membina rumah yang mampu kami miliki. Beri peluang kepada kami orang miskin dan marhean memiliki rumah agar kami tidak terpinggir di bumi sendiri. Kami juga berhak memiliki rumah dalam proses pembangunan yang dirancang”, sambung Mak Som.

(*Nenek*, halaman.132).

Kemiskinan penduduk semakin meningkat kerana pengusaha dan pihak berwajib tidak memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Hal ini dapat dikesan melalui gambaran watak Tok Nenggal yang berusaha mencari kerja. Malang bagi Tok Nenggal faktor usia menyebabkannya tidak mendapat pekerjaan. Tok Nenggal juga tidak dapat meneruskan kemahiran bertukang kerana masyarakat sudah tidak berminat dengan rumah kayu. Fenomena tersebut dibuktikan melalui petikan berikut; “Usaha Tok Nenggal untuk mendapat sebarang kerja yang bersesuaian di salah satu kilang di situ menghamparkan. Tauke kilang menolak permohonan Tok Nenggal kerana usianya. Tok Nenggal tidak ada pilihan, kecuali menyandarkan harapannya kepada kemahiran bertukang. Namun, siapakah yang berminat membina rumah kayu lagi sekarang?

(*Nenek*, halaman.228)

Selain itu, Samad Betawi juga tidak dapat meneruskan perusahaan dan tempe kerana faktor kekurangan modal. Kemiskinan menghalang Samad Betawi untuk menyewa kilang tersebut dengan kadar sewa RM5,000 sebulan dan deposit sebanyak tiga bulan. Fenomena tersebut dilihat melalui petikan tersebut “Samad Betawi bercadang menyewa kilang kecil di situ untuk perusahaan tempe dan keropoknya. Malang. Dia tidak mampu kerana sewanya terlalu mahal. Ruang seluas 15 x 40 kaki sewanya sehingga RM5,000 sebulan. Itu tidak termasuk syarat menyertakan deposit sebanyak tiga bulan”

(*Nenek*, halaman.228)

Justeru, Durkheim (1938:142) menegaskan bahawa fakta sosial merupakan hal-hal yang bersifat sejagat atau menyeluruh. Hal ini jelas melalui penyataan sosial yang melibatkan masalah masyarakat bukannya individu dalam masyarakat. Justeru, berdasarkan analisis mengenai kemiskinan dalam novel *Nenek* jelas bahawa kesan daripada pembangunan di kampung tersebut menyebabkan penduduk kampung kehilangan pekerjaan. Selain itu, kadar sewa kedai yang mahal memberikan impak yang negatif kepada penduduk kampung kerana menjelaskan perniagaan mereka.

Fenomena kemiskinan yang dialami oleh penduduk kampung tersebut dilihat melalui pendapat yang dinyatakan oleh Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Hamidi Ismail (2002:41) “Kemiskinan merupakan salah satu isu penting yang perlu diberikan tumpuan utama dalam agenda pembangunan negara. Masalah kemiskinan yang membenggalu penduduk boleh menyebabkan kehidupan mereka terseret jauh ke lubuk kedaifan, kemunduran, ketidakseimbangan ekonomi, sosial, politik, taraf pendidikan, dan kesejahteraan hidup.”

Kesimpulan

Hasil nukilan Razali Endun dalam memaparkan fakta sosial yang berlaku dalam masyarakat amat relevan pada zaman ini. Hal ini kerana Razali Endun ingin memberi nasihat, teguran dan pengajaran kepada masyarakat bahawa kebijaksanaan dalam memilih pemimpin politik amatlah penting sebagai jaminan kepada masyarakat. Pemimpin politik yang suka mengamalkan korupsi serta mementingkan diri sendiri tidak sepatutnya diangkat sebagai pemimpin. Penulis turut prihatin terhadap pemasalahan masyarakat yang berpunca daripada kelemahan pemimpin politik. Menerusi penerapan teori fakta sosial yang diasaskan oleh Emile Durkheim, ketiga-tiga teori tersebut dapat menyatakan fakta sosial yang diungkapkan dalam novel *Nenek*.

Rosnani Md Zain, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.